

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 OGOS 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 24

## Laksana segera gagasan capai sasaran KDNK

# Laksana segera gagasan capai sasaran KDNK

Kerajaan perlu segera melaksanakan perancangan ekonomi yang diumumkan dalam Kerangka Ekonomi MADANI dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) bagi membolehkan sasaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia untuk tahun ini dapat dicapai.

Bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata ada pihak berpendapat dan beliau turut bersetuju bahawa kesan asas yang tinggi suku kedua 2022 menyebabkan pertumbuhan ekonomi pada suku kedua tahun ini ini agak rendah.

Katanya, turut perlu diakui

bahawa persekitaran dunia disebabkan masalah di China, masalah dengan kos kewangan tinggi, iaitu kadar faedah tinggi di negara lain agak membolehkan ekonomi dunia berhati-hati.

"Namun, ini sebenarnya memberi kesan kepada sasaran kita bagi tahun ini (pertumbuhan KDNK) 2023 ialah 4 hingga 5 peratus dan biasanya jika negara sudah tersasar sasarannya, tidak boleh lagi salahkan orang lain, sebab sama ada kita semak semula sasaran sekarang atau cuba dapatkan sasaran berkenaan.

"Ada penganalisis menyebut bahawa perlu berhati-hati selepas ini jika masih terlalu banyak

bergantung pada permintaan domestik, tetapi eksport masih perlahan dan kita akan ada masalah untuk capai 4 hingga 5 peratus ini.

"Saya rasa ini adalah 'amaran yang wajar' kepada kerajaan untuk memastikan apa saja usaha dan perancangan diumumkan dalam naratif MADANI, NTER dan sebagainya betul-betul dirancang segera, kalau tidak mungkin tidak tercapai sasaran (KDNK) ini," katanya dalam episod terbaharu podcast Keluar Sekejap.

Pertumbuhan KDNK Malaysia pada suku tahun kedua 2023 menyederhana kepada 2.9

peratus selepas mencatatkan pertumbuhan 5.6 peratus suku tahun sebelumnya.

Pertumbuhan ekonomi 2.9 peratus pada suku tahun kedua 2023 didorong, terutama oleh sektor perkhidmatan dan pembinaan, selain permintaan luaran lebih perlahan.

Baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kerajaan yakin dapat mencapai unjuran KDNK 4 hingga 5 peratus bagi 2023 berikutan keadaan ekonomi domestik kekal rancak dengan banyak petunjuk memaparkan aliran sihat.

Ketika menegaskan perkara

itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, bagi menyokong momentum pertumbuhan domestik, kerajaan akan mengekalkan dasar fiskal responsif, selain mempercepat pelaksanaan projek serta merealisasikan pelaburan diluluskan.

Sejajar dengan kerangka Ekonomi MADANI, kertas dasar iaitu Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 dan Belanjawan 2024 akan memperhalusi strategi serta langkah menstruktur semula ekonomi Malaysia serta menjamin pembangunan inklusif untuk rakyat.